



**MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**KENYATAAN SEBUT HARGA**

1. Kontraktor-kontraktor yang mempunyai kerja semasa di Majlis Perbandaran Port Dickson **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**.
2. Sebutharga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang mempunyai **Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** serta berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dan mempunyai **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)**, **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dan **Sijil Taraf Bumiputera (STB)**. Kontraktor-kontraktor yang ingin menyertai sebutharga ini juga **WAJIB berdaftar dengan Majlis Perbandaran Port Dickson**. Kesemua Sijil tersebut perlu mempunyai tempoh sah sekurang-kurangnya 1 bulan dari tarikh tutup sebutharga.
3. Lawatan tapak adalah **TIDAK DIWAJIBKAN**. Kontraktor dinasihatkan untuk meneliti spesifikasi dengan sebaiknya bagi memberikan harga kerja yang munasabah. Sekiranya kontraktor memerlukan sebarang maklumat dan keterangan lanjut sila berhubung dengan Jabatan Kejuruteraan dan Jabatan Landskap MPPD. **Borang Sebutharga boleh diperolehi di Bahagian Perolehan, Pengurusan Aset & Stor (Blok A)**. Kontraktor **WAJIB** membawa dokumen-dokumen asal seperti yang dinyatakan pada perenggan 2 semasa proses pendaftaran dan pembelian naskah sebutharga.
4. Pembelian dokumen sebut harga akan dikeluarkan kepada kontraktor atau wakil kontraktor yang sah sahaja. Wakil kontraktor hendaklah membawa surat wakil **ASAL** yang ditandatangani oleh pemilik syarikat. **KONTRAKTOR ATAU WAKIL TIDAK DIBENARKAN UNTUK MEMBELI NASKAH SEBUT HARGA BAGI SYARIKAT LAIN**.
5. Kontraktor **WAJIB** mengamalkan tatacara Penjarakan Sosial (*Social Distancing*) dan memakai pelitup muka (*Face Mask*) semasa berurusan di Kaunter MPPD. Sebarang pelanggaran arahan oleh pihak tuan akan di ambil tindakan.

6. Borang sebut harga yang telah diisi dan dilengkapkan serta berlakri hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga di **Bahagian Perolehan, Pengurusan Aset & Stor, MPPD**. Nombor sebut harga dan juga tajuk projek hendaklah ditulis sebelah kiri bahagian atas muka depan sampul surat. Borang sebut harga hendaklah dihantar tidak lewat pada jam dan tarikh yang telah ditetapkan.
7. Sebut harga ini sah laku dalam tempoh 90 hari dari tarikh mengemukakan sebut harga. Walaubagaimanapun Kerajaan berhak untuk melanjutkan tempoh sah laku sebut harga berkenaan ke tempoh yang lebih sesuai apabila dikeluarkan.
8. Bayaran bagi pendaftaran dan pembelian dokumen tidak akan dikembalikan dan segala kos akan ditanggung oleh pihak syarikat / kontraktor. MPPD berhak membatalkan tawaran sebut harga ini sekiranya diperlukan tanpa memberi apa-apa alasan.
9. MPPD adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. MPPD berhak untuk membatalkan tawaran sebut harga ini sekiranya pihak kontraktor terlibat dalam membuat pakatan harga dengan kontraktor-kontraktor lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses sebut harga sehingga dokumen kontrak ditandatangani. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.
10. **Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Majlis Perbandaran Port Dickson, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Pusat Khidmat Kontraktor dan CIDB** di bawah **Gred, Kategori dan Pengkhususan** yang berkaitan dan masih dibenarkan untuk membuat kerja-kerja Sebut Harga adalah dipelawa untuk menyertai sebut harga seperti di lampiran

Tandatangan : 

Nama Pegawai : **MOHD ZAMRI BIN MOHD ESA**

Jawatan : **Yang Dipertua**  
**Majlis Perbandaran Port Dickson**

Tarikh : **16 Jun 2021**



**LAMPIRAN**

| No. Sebut Harga & Harga Dokumen | Tajuk Projek                                                                                                                               | Gred Kontraktor/ Kategori & Pengkhususan                     | Tempat, & Tarikh Dokumen Mulai Dijual                                                                                                                      | Tempat, Tarikh & Waktu Sebut harga Ditutup                                                                                                           |
|---------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| S0079/22<br>RM 50.00            | Kerja-Kerja Naiktaraf Landskap Kawasan Hijau Pekan Linggi, Terminal Bas Bandar Port Dickson Dan Pintu Masuk Sempadan Port Dickson-Sepang.  | <b><u>G1</u></b><br><br>Kategori CE<br><br>Pengkhususan CE14 | Bahagian Perolehan, Pengurusan Aset & Stor, Majlis Perbandaran Port Dickson<br><br>Tarikh:<br><br><b>24.06.2022</b><br><br>Hingga<br><br><b>01.07.2022</b> | Bahagian Perolehan, Pengurusan Aset & Stor, Majlis Perbandaran Port Dickson<br><br>Tarikh :<br><br><b>01.07.2022</b><br><br><b>*Jam 12.00 t/hari</b> |
| S0080/22<br>RM 50.00            | Kerja-Kerja Naiktaraf Landskap Tandas Medan Ikan Bakar D'Jeti Dan Tandas Teksi Bandar Port Dickson.                                        |                                                              |                                                                                                                                                            |                                                                                                                                                      |
| S0081/22<br>RM 50.00            | Cadangan Menaiktaraf Taman Permainan Kanak-Kanak Di Taman Negeri Serta Lain-Lain Kerja Berkaitan.                                          |                                                              |                                                                                                                                                            |                                                                                                                                                      |
| S0082/22<br>RM 50.00            | Pembinaan Pusat Penempatan Semula Penjaja (Taman Vista Jaya, Bandar Springhill, Taman PD Utama, Taman Politeknik Dan Taman Intan Perdana). | <b><u>G1</u></b><br><br>Kategori CE<br><br>Pengkhususan CE21 |                                                                                                                                                            |                                                                                                                                                      |
| S0083/22<br>RM 50.00            | Cadangan Menaiktaraf Depoh/Setor Kg Gelam MPPD Serta Lain-Lain Kerja Berkaitan.                                                            |                                                              |                                                                                                                                                            |                                                                                                                                                      |

**Kaunter Terimaan Hasil Beroperasi Mengikut Masa Seperti Ketetapan Berikut :-**

**ISNIN - JUMAAT (HARI BEKERJA)**

**8.30 PAGI HINGGA 3.00 PETANG**